Seperti yang kita sedia maklum, RBT Tingkatan 3 merupakan mata pelajaran baharu yang memerlukan guru mata pelajaran RBT ini perlu mempersiapkan diri dan bersedia dalam mengajar mata pelajaran baharu ini. Guru perlu bersedia untuk menghadapi sebarang permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran RBT ini. Hal ini tertumpu terhadap guru mata pelajaran KH yang akan mengajar mata pelajaran RBT kerana perlakunya perubahan kurikulum KH kepada kurikulum RBT. Menurut Nurul & Suziyani (2018), faktor utama yang perlu dilakukan dalam memastikan keberkesanan PdP adalah kesediaan guru. Suriana (2012) menyatakan bahawa adalah penting untuk melihat sejauh mana kesediaan guru terhadap perubahan yang berlaku memandangkan guru adalah pelaksana utama kepada penambahbaikan ini. Menurut Zaiha (2014), guru yang tidak bersedia untuk mengajar dalam pengajaran amali bagi mata pelajaran RBT sekolah rendah akan menyebabkan pembelajaran yang kurang berkesan. Oleh itu, guru perlu mencari inisiatif sendiri iaitu memerlukan satu modul yang khusus supaya dapat membantu guru menjadikan modul sebagai salah satu rujukan guru dalam membuat persediaan mengajar. Modul Pembangunan Produk yang dibangunkan ini dapat





membantu guru kerana di dalam modul yang dibangunkan ini telah ditunjukkan langkah-langkah dalam proses penghasilan produk secara teratur dan terperinci.

Berdasarkan tinjauan awal melalui temu bual yang dijalankan terhadap Ketua Panitia (Guru 1) mata pelajaran RBT turut menyokong permasalahan ini. Beliau menyatakan bahawa, tahap kesedian guru dalam mengajar mata pelajaran RBT adalah kurang terutamanya dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3. Contohnya setakat ini untuk mengajar RBT Tingkatan 3, guru hanya diberi pendedahan melalui kursus hanya sekali sahaja untuk mengajar RBT Tingkatan 3 ini. Pendedahan yang diajar di dalam kursus tersebut adalah berbeza dengan buku teks. Maka berlaku percanggahan input untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada menghadiri kursus kepada murid kerana pengetahuan guru adalah kurang, malah pengetahuan murid juga adalah kurang. Kenyataan ini turut disokong oleh guru mata pelajaran RBT (Guru 2) dengan menyatakan tahap kesediaan guru masih lagi tidak mencukupi. Walaupun untuk mempersiapkan diri dalam mengajar RBT ini dengan mencari ilmu sendiri, membeli bahan-bahan rujukan sendiri tetapi masih lagi tidak mencukupi. Kursus bagi RBT Tingkatan 3 ini masih belum lagi diberi pendedahan.

Guru memerlukan kompeten yang tinggi dalam mata pelajaran RBT ini kerana mata pelajaran RBT perlu melibatkan kepelbagaiannya bidang iaitu yang melibatkan teknologi sains dan matematik serta kejuruteraan. Ahmad Zainal (2020) menyatakan bahawa, kompetensi menggambarkan kepada keupayaan dan kebolehan seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu perkara. Menurut Haidir (2016), guru seharusnya memerlukan kompeten yang tinggi dalam mereka bentuk PdP agar objektif yang ditetapkan tercapai. Jadi, di dalam konteks kajian yang dilaksanakan ini, guru mata





pelajaran RBT memerlukan lebih kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam mengajar teori dan amali bagi mata pelajaran RBT ini.

Menurut Zaiha (2014), guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dan tidak dapat mengaplikasikan kemahiran yang mereka miliki merupakan masalah utama mengapa guru kurang kompeten dalam pengajaran mereka terutama dalam pengajaran amali RBT di Sekolah Rendah. Oleh itu, guru-guru perlu lebih bersedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam kelas untuk mengajar teori mahupun di dalam bengkel untuk mengajar amali. Maka, dengan adanya modul Pembangunan Produk yang dibangunkan ini dapat membantu guru dalam membuat persediaan mengajar. Hal ini kerana modul yang dibangunkan ini mempunyai satu unit khusus iaitu unit bagi langkah-langkah dalam menghasilkan produk. Ini dapat membantu guru dalam membuat persediaan dengan melihat bagaimana cara-cara menghasilkan produk dan cara penggunaan alatan mesin yang ditunjukkan di dalam modul bagi menjalankan kerja amali di dalam bengkel.

Berkenaan dengan pandangan guru jika seseorang guru tidak dapat mengaplikasikan kemahiran yang ada dalam mengajar amali, guru 1 menyatakan pendapat bahawa seseorang guru itu perlu meningkatkan kemahiran diri. Jika seseorang guru takut untuk menjalankan kerja amali disebabkan persepsi ‘apabila perlu membuat kerja amali, tetapi takut salah’ maka guru itu perlu meningkatkan kemahiran diri.





Manakala, guru 2 menyatakan pendapat jika seseorang guru tidak dapat mengaplikasikan kemahiran yang ada, itu merupakan satu kelemahan. Apabila murid dapat mengesan guru itu tidak mempunyai kemahiran, murid akan kurang yakin terhadap guru. Sebagai contohnya, jika guru tidak mempunyai pengalaman untuk menggunakan alatan mesin, maka murid-murid akan kurang yakin dengan guru. Malah murid-murid sendiri juga akan berasa kurang yakin untuk membuat amali itu.

Seperti yang kita sedia maklum, kekurangan kelengkapan alatan dan bahan di dalam bengkel amali menyukarkan guru-guru untuk melakukan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Zamri & Nurfaradilla (2020), data yang telah diperolehi berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa sekolah masih kekurangan kemudahan peralatan yang membolehkan murid menghasilkan sesebuah projek. Murid yang mempelajari mata pelajaran RBT semestinya perlu menjalankan kerja amali berdasarkan DSKP yang telah ditetapkan. Kerja amali adalah untuk memastikan murid memahami teori yang telah dipelajari oleh mereka. Tambahan lagi, mata pelajaran RBT Tingkatan 3 baru dilaksanakan menyebabkan guru tidak tahu untuk membeli peralatan dan bahan yang secukupnya mengikut kuantiti murid di sekolah. Justeru itu, sesi pembelajaran berbentuk amali tidak akan dapat dijalankan dengan lancar tanpa adanya peralatan dan bahan yang cukup dan lengkap. Maka, dengan adanya modul yang dibangunkan dapat memudahkan guru melihat kesesuaian senarai bahan dan peralatan yang terkandung di dalam modul bagi merancang proses penghasilan projek mengikut kesesuaian dengan bajet yang diperuntukkan oleh pihak sekolah.



Kenyataan ini juga turut disokong oleh guru 1 yang menyatakan bahawa peruntukan bagi mata pelajaran RBT adalah tidak mencukupi untuk membeli peralatan dan bahan. Jika dibandingkan peruntukan bagi mata pelajaran RBT dengan mata pelajaran KH yang dahulu, peruntukan yang diberikan untuk mata pelajaran RBT adalah kurang daripada peruntukan untuk mata pelajaran KH bagi membeli peralatan dan bahan. Maka, dengan adanya modul yang akan dibangunkan untuk mata pelajaran RBT Tingkatan 3 ini dapat membantu guru supaya mempermudahkan dalam merancang pembelian alatan dan bahan dengan melihat langkah-langkah dan senarai bahan, peralatan dan bajet produk berdasarkan modul yang dibangunkan. Guru 2 pula menyatakan bahawa peruntukan untuk membeli bahan dan peralatan adalah tidak cukup. Bahan dan peralatan untuk menjalankan kerja amali adalah sangat banyak dan melibatkan setiap tingkatan. Jadi guru memerlukan peruntukan yang banyak untuk membeli barang-barang ataupun peralatan. Walaupun bahan dan peralatan mencukupi tetapi barang yang ditempah tidak sampai pada waktunya yang tepat atau mengambil masa yang terlalu lama untuk barang sampai di sekolah. Jika tiada bahan atau peralatan tidak mencukupi, guru masih boleh menampung terlebih dahulu untuk menjalankan kerja amali. Maka, dengan adanya modul yang akan dibangunkan untuk RBT Tingkatan 3 ini ianya amat memudahkan guru untuk membeli bahan dan peralatan dengan tahap yang minumum bagi menjalankan projek supaya tidak berlaku pembaziran.

Proses pengajaran adalah amat penting bagi seseorang guru semasa sesi pengajaran di dalam kelas. Guru haruslah menyampaikan maklumat pengajaran dengan lebih jelas dan sistematik berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar supaya murid dapat belajar dengan baik (Faizah, 2017). Penyampaian maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru amat penting kepada murid. Ilmu



pengajaran dan pembelajaran lebih berkualiti jika guru mengajar mengikut opsyen masing-masing. Namun, guru akan menghadapi beberapa masalah jika mengajar di luar bidang opsyen. Menurut Siti Salwa (2014), guru tidak akan dapat mengajar dengan berkualiti dan berkesan kerana mengajar di luar bidang opsyen. Hal ini adalah kerana seseorang guru itu hanya pakar di dalam bidang opsyen pengkhususannya sahaja. Maka, guru yang mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen iaitu di luar bidang akan menyebabkan seseorang guru itu akan merasai tekanan dan menganggap mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen itu adalah satu beban bukannya sebagai satu tanggungjawab dalam mendidik. Hamdan & Mohd Yasin (2010) menyatakan bahawa, seseorang guru atau pendidik seharusnya menjalankan tanggungjawab dalam mendidik anak muridnya supaya murid dapat memahami apa yang diajar oleh guru. Maka, dengan adanya modul dapat membantu guru bukan opsyen RBT menjadikan modul yang dibangunkan ini sebagai bahan rujukan untuk mengajar mata pelajaran RBT selain merujuk buku teks semata-mata.

Guru yang diluar bidang kepakaran bukan opsyen mata pelajaran RBT akan menghadapi sedikit kesukaran dalam melakukan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini turut disokong oleh Roslan (2014) yang menyatakan bahawa guru-guru yang mengajar diluar bidang opsyen ini akan menghadapi masalah penguasaan. Jadi, keperluan untuk menguasai sesuatu mata pelajaran yang baharu amat perlu dititik beratkan oleh guru yang akan mengajar bukan opsyen dalam bidang mereka. Mengetahui kemahiran mengajar amali amat perlu diutamakan oleh guru yang bukan opsyen mata pelajaran RBT. Bukan sahaja kemahiran mengajar amali amat perlu diutamakan, malah menguasai ilmu pengetahuan dalam opsyen mata pelajaran RBT juga harus diutamakan. Situasi ini sudah tentunya memerlukan satu mekanisma khusus





iaitu sebuah modul yang dapat membantu guru bukan opsyen RBT dalam mengatasi masalah penguasaan bagi mengajar mata pelajaran RBT.

Kenyataan ini turut disokong oleh guru 1 yang menyatakan bahawa beliau merupakan guru bidang opsyen KH dan bukannya bidang opsyen RBT. Mata pelajaran RBT adalah mata pelajaran baharu dan bukan opsyen yang diambil semasa di peringkat pengajian tinggi dahulu. Guru opsyen KH yang mengajar mata pelajaran RBT tidak mempunyai input dan tiada pengetahuan. Pengetahuan yang guru ada tentang mata pelajaran KH adalah perkara asas dan sedikit sahaja pengetahuan yang boleh digunakan dalam mengajar mata pelajaran RBT. Guru opsyen KH juga tidak diberikan pendedahan yang cukup untuk mengajar mata pelajaran RBT.



pengetahuan dalam kemahiran mengajar amali. Hal ini disokong oleh Nurul Syahada (2017) di dalam kajiannya yang menyatakan bahawa guru masih tidak dapat menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang mata pelajaran RBT yang diajar. Keperluan menguasai ilmu pengetahuan yang mendalam berkaitan isi kandungan pengajaran dan menguasai ilmu kemahiran mengajar amali perlu dikuasai supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Bagi memastikan murid dapat menguasai mata pelajaran RBT, guru perlulah mempunyai kemahiran pengajaran dan pengetahuan dalam sesuatu mata pelajaran (Harun, 2014). Guru yang tidak mampu menguasai pengetahuan teori dan kurang pengetahuan dalam kemahiran mengajar amali dalam mata pelajaran RBT akan menghadapi masalah. Menurut Mohd Rizal & Muallimah (2016), hasil kajian yang





telah dijalankan menunjukkan kebanyakkan guru telah menghadapi permasalahan iaitu bagi masalah yang berkaitan dengan teori dan kemahiran amali serta masalah kurang pengetahuan dan kemahiran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KH yang kini telah ditransformasikan kepada mata pelajaran RBT. Menurut (Nor Azlan & Hasriani, 2010), penguasaan terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh guru adalah sangat penting untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan terhadap murid.

Di dalam dunia pendidikan pada masa kini memerlukan guru yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran teori mahupun amali. Menurut Hill, Rowan & Ball (2015), pengetahuan dan kemahiran guru adalah lebih penting daripada persiapan guru untuk mengajar. Kebanyakkan guru pada masa kini hanya mempunyai pengetahuan mengajar teori semata-mata tetapi kurang mempunyai pengetahuan dalam kemahiran menggunakan alatan dan bahan ketika amali. Abu Bakar (2009) menyatakan bahawa, pengajaran yang berunsurkan amali di dalam bengkel atau di dalam makmal memerlukan kemahiran guru yang maksimum untuk mengajar secara manual kepada murid. Guru mata pelajaran RBT terutamanya perlu mempunyai kemahiran dalam mengendalikan bengkel amali dalam menggunakan alatan dan bahan supaya murid tidak terjejas dalam membuat sesuatu amali. Pengetahuan dan kemahiran yang kurang terhadap penggunaan mesin dan kerja-kerja penyelenggaraan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan dan tidak sistematik (Minhat, 2012). Ini bermakna, guru perlu mencari satu mekanisma tertentu dari sumber yang lain bagi tujuan meningkatkan pengetahuan kemahiran guru untuk mengajar murid semasa mengendalikan amali bagi setiap projek.





Sebagai seorang guru yang mempunyai nilai mendidik dalam bekerja, kaedah mengajar haruslah dipelbagaikan untuk menarik minat murid dalam belajar. Menurut Muin (2011), profesionalisme bagi seseorang guru itu boleh diukur melalui kemahiran beliau dalam menggunakan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran semasa melaksanakan pengajaran di dalam bilik darjah mahupun di dalam bengkel amali. Akan tetapi, kaedah pengajaran guru yang terhad kepada kaedah konvensional semata-mata akan menyekat pemikiran murid untuk berfikir secara kreatif terutamanya dalam menjalankan kerja amali di dalam bengkel. Hal ini menunjukkan bahawa dalam proses memberi pemahaman pengajaran kepada murid, guru perlu mencari satu sumber yang lain dalam mempelbagaikan kaedah, teknik dan aktiviti dalam mengajar teori di dalam bilik darjah mahupun mengajar amali di dalam bengkel bagi meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran RBT.



Berkenaan dengan keseimbangan mengajar teori dan amali, guru 1 menyatakan bahawa pengajaran amali perlu lebih ditekankan tetapi seseorang guru perlu ada pengetahuan berkenaan teori untuk diaplikasikan dalam kerja amali. Guru 2 pula menyatakan pandangannya berkenaan dengan keseimbangan mengajar teori dan amali adalah beliau memfokuskan 30% untuk teori manakala 70% untuk amali.

Seseorang guru haruslah lebih kreatif dalam menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai bagi mewujudkan suasana yang kondusif serta dapat menarik minat murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Menurut Suppiah (2017), kekurangan bahan bantu mengajar atau BBM memberi kesan negatif kepada guru dan akan timbulnya beberapa masalah. Hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa guru mengalami masalah kekurangan bahan bantu



mengajar (BBM) ketika menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah, bahan bantu mengajar di sekolah kurang menarik dan sesetengah guru tidak mampu untuk menyediakan bahan bantu mengajar dalam masa yang singkat. Perkara ini harus dititikberatkan dan guru harus sedar kepentingan penggunaan BBM dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Faizah (2017) menyatakan bahawa, setiap pendidik seharusnya mempunyai kesedaran bahawa penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting dalam mencapai objektif pengajaran guru bagi mata pelajaran RBT. Penggunaan BBM juga sangat penting untuk meningkatkan prestasi dan menarik minat murid dalam belajar mata pelajaran RBT.

Selain itu, masalah yang sama dihadapi oleh guru mata pelajaran RBT ini ialah tidak dapat menggunakan rujukan serta BBM yang cukup untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran kerana kekurangan BBM. Menurut Faizah (2017) menyatakan bahawa penggunaan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting bagi guru memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik. BBM dapat membantu murid dalam merangsang minda mereka untuk belajar dengan lebih baik dan ini akan meningkatkan tahap penguasaan murid dalam belajar bagi satu-satu topik bagi mata pelajaran RBT. Maka, dengan adanya modul dapat membantu guru dalam mempelbagaikan BBM dalam mengajar bagi mata pelajaran RBT.

Selain itu, penghasilan sesebuah modul adalah bertujuan bagi menambahbaik bahan pengajaran yang sedia ada bagi satu-satu sesi pembelajaran dan modul ini boleh digunakan sebagai alat bantu mengajar (ABM) (Siti Arfah *et. al.*,2019). Menurut kajian



Omar (2014), terdapat dikalangan guru-guru yang masih lagi tidak berminat dengan penggunaan ABM dalam PdP mereka. Kekurangan guru menggunakan ABM dalam PdP boleh menyebabkan aktiviti murid dalam bilik darjah akan menjadi lebih terhad. Guru-guru yang menggunakan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah akan memberikan pelbagai faedah dan manfaat kepada murid. Maka, guru RBT terutamanya harus menggunakan satu mekanisma iaitu ABM dalam proses pengajaran semasa pengajaran amali kerana dengan adanya ABM yang ditunjukkan oleh guru, iaanya dapat meningkatkan pengetahuan murid terhadap sesuatu topik yang akan diajar di dalam bengkel amali.

Kenyataan ini juga turut disokong oleh guru 1 yang menyatakan bahawa ABBM untuk mengajar RBT Tingkatan 3 ini adalah tidak mencukupi. Bahan atau ABBM yang asas digunakan oleh beliau untuk mengajar RBT setakat ini ialah seperti buku teks, slide dan bahan maujud. Jika adanya modul yang boleh dijadikan sebagai ABBM untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran, maka modul ini dapat memberikan satu pengetahuan atau ilmu baharu kepada guru. Pada pandangan beliau, modul sangat membantu dan boleh dijadikan ABBM untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah nanti. Guru 2 juga menyatakan bahawa ABBM untuk mengajar RBT ini tidak mencukupi. ABBM ini memerlukan inisiatif guru untuk membuatnya. Tambahan lagi, guru sendiri tidak sempat untuk menyediakan ABBM kerana banyak perkara lain yang perlu diuruskan. Jika guru hanya menggunakan buku teks untuk dijadikan ABBM, hanya 60% sahaja input yang diperolehi dan perkara ini memerlukan seseorang guru merujuk kepada DSKP.



Pedagogi merupakan salah satu teknik Pengajaran dan Pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru bagi menyampaikan pengajaran secara efektif, efisian dan lebih interaktif (Rohani *et. al.*, 2015). Namun, kemahiran pedagogi pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mempunyai cabarannya yang tersendiri dan perlu diberi penekanan dalam kurikulum kerana ia merupakan salah satu kemahiran abad ke-21 (Mohd Nazri Hassan *et. al.*, 2017). Menurut Mohamad Nurul Azmi *et. al.*, (2018), hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa tahap kemahiran pedagogi guru terhadap penerapan KBAT bagi mata pelajaran RBT berada pada tahap yang kurang mahir.

Guru yang mengajar RBT ini masih lagi buntu dalam memastikan kaedah dan strategi yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menerapkan unsur KBAT. Kebanyakan guru tidak diberikan pendedahan yang menyeluruh terhadap pedagogi dan kemahiran dalam melaksanakan KBAT. Maka, guru memerlukan satu mekanisma lain iaitu modul untuk membantu dalam membuat persediaan mengajar dari aspek pedagogi dalam membudayakan KBAT di dalam mata pelajaran RBT. Hal ini selari dengan modul Pembangunan Produk yang dibangunkan kerana di dalam modul yang dibangunkan terdapatnya latihan pengukuhan yang membudayakan KBAT.

Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan untuk membangunkan satu modul yang diberi nama ‘Pembangunan Modul Pembangunan Produk’ yang memberi fokus kepada Topik 2 Pembangunan Produk bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3. Modul yang dibangunkan ini diharapkan dapat membantu menarik minat dan dapat meningkatkan tahap kefahaman guru dalam mengajar mata pelajaran RBT.

### 1.3 Penyataan Masalah

Merujuk kepada hasil perbincangan di dalam latar belakang, maka di dapati bahawa terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam mengajar mata pelajaran RBT hasil daripada kajian terdahulu dan temu bual bersama dua orang guru. Antara masalah yang telah dikenal pasti adalah RBT Tingkatan 3 ini adalah mata pelajaran yang baharu, maka kurang bahan dan rujukan untuk menyokong sesi pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh Zamri & Nurfaradilla (2020) menyatakan bahawa mata pelajaran ini adalah mata pelajaran yang baharu, maka aktiviti PdP yang dijalankan di dalam bilik darjah hanya merujuk kepada buku teks semata-mata. Selain itu, kajian terdahulu juga mendapati kemudahan kelengkapan peralatan dan bahan di dalam bengkel atau makmal adalah tidak mencukupi untuk menjalankan kerja amali.

Hal ini disokong oleh Siti Fatimah *et.al.*, (2016) menyatakan bahawa terdapat banyak bahan dan peralatan yang rosak di dalam bengkel yang menyebabkan murid terpaksa berkongsi untuk menggunakan peralatan bengkel yang masih ada. Di samping itu, guru tidak akan dapat mengajar dengan berkualiti, berkesan dan akan menghadapi masalah penguasaan kerana mengajar di luar bidang opsyen. Kenyataan ini turut disokong oleh Banu A/P Ramanan dan Mu'azam (2018) menyatakan bahawa guru yang mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen akan menghadapi masalah semasa mengajar di dalam bilik darjah. Sementara itu, kekurangan bahan pengajaran atau BBM dalam mengajar mata pelajaran RBT akan memberi kesan negatif kepada guru dan murid. Hal ini turut disokong oleh Siti Aminah & Fazlinda (2018) yang menyatakan bahawa tahap penggunaan ABBM masih di peringkat sederhana dan masih tidak memuaskan. Seterusnya, kaedah pengajaran guru yang terhad kepada kaedah konvensional. Hal ini disokong oleh Nor Amalina & Zanaton (2018) yang menyatakan bahawa masalah



dalam kajian ini ialah guru-guru sukar untuk menukar kaedah pengajaran konvensional kepada kaedah pengajaran berpusatkan murid.

Oleh hal yang demikian, guru memerlukan satu kaedah atau mekanisma yang khusus iaitu dalam melakukan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan di dalam bengkel amali bagi mata pelajaran RBT untuk mengatasi dan menyelesaikan permasalahan ini. Maka, satu modul pengajaran bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 untuk Topik 2 Pembangunan Produk perlu dibangunkan untuk menyelesaikan permasalah yang timbul terutamanya masalah yang terdapat daripada hasil kajian terdahulu dan masalah yang dihadapi oleh guru hasil daripada temu bual terhadap guru RBT di sekolah menengah. Dengan terhasilnya modul ini, guru dan murid berpeluang menggunakan modul yang dibangunkan supaya lebih memahami dan memudahkan gurus dan murid untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran bagi Topik 2 Pembangunan Produk.

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1.4.1 Membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran bagi Topik 2 Pembangunan Produk dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3.

1.4.2 Mengenal pasti tahap penilaian kesahan pakar terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3.





- 1.4.3 Mengenal pasti kebolehgunaan modul ke atas guru yang mengajar mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3.
- 1.4.4 Mengenal pasti kebolehgunaan modul ke atas guru di antara jantina bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek kesesuaian reka bentuk dan kepenggunaan modul.
- 1.4.5 Mengenal pasti kebolehgunaan modul ke atas guru di antara opsyen (bidang pengkhususan) bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 Tingkatan 3 dari aspek kesesuaian reka bentuk pembangunan modul dan kepenggunaan modul.
- 1.4.6 Mengenal pasti kebolehgunaan modul ke atas guru di antara tempoh pengalaman mengajar bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 Tingkatan 3 dari aspek kesesuaian reka bentuk pembangunan modul dan kepenggunaan modul.

## 1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang boleh dijadikan panduan untuk kajian ini ialah:





- 1.5.1 Bagaimana modul pengajaran dan pembelajaran bagi Topik 2 Pembangunan Produk dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dibangunkan?
- 1.5.2 Sejauh manakah tahap penilaian kesahan pakar terhadap Modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3?
- 1.5.3 Apakah tahap kebolehgunaan modul ke atas guru yang mengajar mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan kebolehgunaan modul ke atas guru di antara jantina bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek kesesuaian reka bentuk?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan kebolehgunaan modul ke atas guru di antara jantina bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek kepenggunaan modul?
- 1.5.6 Adakah terdapat perbezaan kebolehgunaan modul ke atas guru di antara opsyen (bidang pengkhususan) bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 Tingkatan 3 dari aspek kesesuaian reka bentuk pembangunan modul?





- 1.5.7 Adakah terdapat perbezaan kebolehgunaan modul ke atas guru di antara opsyen (bidang pengkhususan) bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 Tingkatan 3 dari aspek kepenggunaan modul?
- 1.5.8 Adakah terdapat perbezaan kebolehgunaan modul ke atas guru di antara tempoh pengalaman mengajar bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 Tingkatan 3 dari aspek kesesuaian reka bentuk pembangunan modul?
- 1.5.9 Adakah terdapat perbezaan kebolehgunaan modul ke atas guru di antara tempoh pengalaman mengajar bagi guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 Tingkatan 3 dari aspek kepenggunaan modul?

## 1.6 Hipotesis Kajian

### 1.6.1 Hipotesis 1

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap kebolehgunaan modul ke atas guru mata pelajaran RBT berdasarkan jantina guru lelaki dan perempuan yang mengajar mata pelajaran RBT.





### 1.6.2 Hipotesis 2

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap kebolehgunaan modul ke atas guru mata pelajaran RBT berdasarkan kumpulan opsyen (bidang pengkhususan) guru mata pelajaran RBT.

### 1.6.2 Hipotesis 3

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap kebolehgunaan modul ke atas guru mata pelajaran RBT berdasarkan tempoh pengalaman mengajar guru mata pelajaran RBT.

## 1.7 Kerangka Konsep Kajian




Kajian ini dijalankan untuk membangunkan modul bagi topik 2 ‘Pembangunan Produk’ bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3. Kerangka konseptual bagi kajian Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Pembangunan Produk bagi Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan 3 ini dibina sebagai asas dalam melaksanakan kajian ini.

Kerangka konsep kajian ini dibentuk bagi menjelaskan perhubungan di antara pembolehubah bersandar (*Dependent Variable*) dan pembolehubah tidak bersandar (*Independent Variable*). Kerangka konsep kajian ini menggunakan beberapa teori pembelajaran iaitu Teori Konstruktivisme, Teori Kognitif dan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) serta menggunakan model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implement & Evaluate*) sebagai asas kajian. Populasi bagi kajian ini ialah guru-guru mata pelajaran RBT di mana guru berperanan dalam menggunakan modul



Pembangunan Produk untuk melihat hubungkaitnya dengan kebolehgunaan modul ke atas guru terhadap aspek kesesuaian reka bentuk pembangunan modul dan kebolehgunaan modul ke atas guru terhadap aspek kepenggunaan modul.

Kerangka konsep kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.1 seperti di bawah:



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

## 1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai tujuan tertentu untuk kepentingan pihak tertentu. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk membangunkan sebuah modul bagi Topik 2 Pembangunan Produk di dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3. Antara kepentingan kajian ini dilakukan ialah:



### 1.8.1 Perkembangan Ilmu

Kepentingan kajian ini kepada perkembangan ilmu adalah masyarakat akan tahu keberkesanan kaedah pengajaran berdasarkan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid pada masa kini lebih menyukai sesuatu pengajaran yang bersifat grafik berbanding penyampaian dalam buku teks yang terlampau panjang iaitu dalam tulisan verbal. Maka, kaedah pengajaran berdasarkan modul ini merupakan salah satu usaha untuk menarik minat murid untuk meningkatkan pencapaian akademik.

### 1.8.2 Kepentingan Kepada Murid

Modul pembangunan produk ini dapat mempelbagaikan sumber rujukan kepada murid.

Penggunaan modul yang dibangunkan ini dapat memberikan kesan yang positif kepada murid serta meningkatkan lagi kreativiti yang sedia ada dalam diri setiap murid. Penggunaan modul ini juga dapat menggalakkan murid belajar secara kendiri dan memupuk sikap yang baik seperti menerokai ilmu secara kendiri.

### 1.8.3 Kepentingan Kepada Guru

Guru merupakan tunjang yang paling utama dalam mendidik pada masa kini. Guru juga merupakan penggerak utama dalam mengajar dan mendidik murid di dalam kelas. Kajian yang dijalankan ini iaitu membangunkan modul bagi Topik 2 Pembangunan Produk di dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3 ini dapat dijadikan bahan rujukan





kepada guru. Malah, dengan adanya modul ini dapat membantu guru dalam memudahkan dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas iaitu sebagai tunjuk cara kepada murid.

#### **1.8.4 Kepentingan Kepada Sekolah**

Dalam kajian yang dijalankan ini dapat memberikan kepentingan kepada semua pihak terutamanya bagi pihak sekolah. Pengetua dapat menyarankan kepada setiap guru menggunakan sumber rujukan yang lain seperti modul ini untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Modul ini boleh dijadikan panduan oleh murid untuk meningkatkan kefahaman mereka dalam belajar. Penggunaan modul di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat mendedahkan kepada guru ilmu pengetahuan yang baru dan dapat membantu murid dalam meningkatkan prestasi belajar. Secara tidak langsung, imej sekolah dapat ditingkatkan dengan baik dan dapat dijadikan sekolah contoh terhadap sekolah-sekolah yang lain.

#### **1.8.5 Kepentingan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)**

Hasil kajian ini boleh dijadikan maklum balas kepada usaha meningkatkan mutu pendidikan negara. Maklumat dari kajian ini pula dapat dijadikan sumber rujukan kepada pihak KPM khususnya Jabatan Pendidikan Negeri untuk mencadangkan beberapa kaedah, pendedahan dan juga pendekatan bagi meningkatkan ilmu para guru yang bakal mengajar mata pelajaran RBT.





## 1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian ini membawa maksud kepada had-had batasan yang wujud dalam sesuatu kajian yang ingin dijalankan terhadap kajian ini. Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa batasan khususnya bagi mendapatkan maklumat untuk dimuatkan dalam kajian ini.

Di dalam kajian yang bertajuk Pembangunan dan Keberkesanan Modul Pembangunan Produk bagi Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan 3 ini hanya memfokuskan kepada beberapa batasan. Antara batasan-batasan tersebut ialah:

- i. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) bagi negeri Selangor.
- ii. Kajian ini memfokuskan guru-guru mata pelajaran RBT bagi SMK negeri Selangor.
- iii. Kajian ini hanya melibatkan satu unit topik dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3 sahaja iaitu Topik 2 Pembangunan Produk.
- iv. Kajian ini dijalankan anggaran selama 6 bulan mengikut kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) iaitu dari tempoh kelulusan ini sah digunakan bermula dari 12 Julai 2020 hingga 7 Januari 2021.
- v. Bilangan responden yang terlibat ialah seramai 148 orang responden yang terdiri daripada guru-guru mata pelajaran RBT.





## 1.10 Definisi Operasional

### 1.10.1 Pembangunan

Pembangunan didefinisikan atau ditakrifkan sebagai membangunkan sesebuah modul, atau membina model atau mereka cipta sesebuah perisian bagi suatu bentuk kajian yang ingin dilaksanakan (Ghazali & Sufean, 2016). Dalam konteks kajian ini, pembangunan bermaksud sebuah modul dibangunkan bagi Topik 2 ‘Pembangunan Produk’ bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 untuk proses pengajaran dan pembelajaran guru dan murid di dalam kelas.



Modul adalah merupakan bahan rujukan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru mahupun murid bagi satu-satu sesi PdPc untuk memenuhi keperluan pembelajaran semasa. Mohd Afifi (2017) menyatakan bahawa, modul yang dibangunkan adalah merupakan suatu perkara atau aktiviti yang dibangunkan bagi membincangkan, memperincikan dan menjelaskan topik tertentu secara tersusun. Dalam konteks kajian ini, Modul Pembangunan Produk dibangunkan berdasarkan DSKP atau silibus yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam kajian ini juga, modul adalah bahan sumber pengajaran guru yang lengkap mengandungi beberapa unit bagi tajuk Pembangunan Produk RBT Tingkatan 3.





### 1.10.3 Pembangunan Produk

Pembangunan produk atau penghasilan produk ialah aktiviti menghasilkan produk baru atau menginovasikan produk sedia ada bagi memenuhi keperluan dan keinginan pengguna pada masa kini dan seterusnya pada masa akan datang dengan mengaplikasikan teknologi yang ada pada masa kini (RBT Tingkatan 3, 2018). Pembangunan produk perlu melalui beberapa langkah proses pembangunan yang perlu dirancang dengan teliti dan sistematik sebelum menjadi produk yang sempurna.

### 1.10.4 Mata Pelajaran RBT

Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) merupakan satu mata pelajaran baru yang menggantikan mata pelajaran Kemahiran Hidup (KH). RBT merupakan satu mata pelajaran yang berbentuk teori dan amali untuk semua murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Mata pelajaran ini juga merangkumi semua aspek yang dapat meningkatkan inovasi dan kreativiti murid dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang kemahiran (Yahaya *et.al.*, 2006).

### 1.10.5 Kepenggunaan

Penggunaan dari segi bahasa ialah guna atau pakai. Sementara dari segi istilah ialah perlakuan menggunakan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semasa





Kajian ini bertujuan untuk melihat kebolehgunaan modul ke atas guru yang mengajar mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk bagi Topik 2 dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3.

### 1.10.6 Kesesuaian Reka Bentuk

Reka bentuk di dalam kajian ini ialah menjurus kepada pembangunan modul. Di dalam proses mereka bentuk, aspek kesesuaian perlu diambil kira seperti susunan isi kandungan di dalam modul yang bertepatan dengan aras pembelajaran murid.



Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan pengoperasian berkaitan kajian yang dijalankan. Ia melibatkan isu dan bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan dan masalah yang dikaji dalam kajian ini. Dalam melaksanakan kajian ini, tujuan kajian dinyatakan dan beberapa kemungkinan yang ingin dicapai telah dikaji dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan menentukan tahap kebolehgunaan modul ke atas guru mata pelajaran RBT terhadap modul Pembangunan Produk.

